



Ruj tuan :
Ruj kami : Bil.(41)d/m.MDTM(KB) 01/02/03/100

10 Syabaan 1437H
17 Mei 2017

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah terbuka dari Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera di dalam kepala dan sub kepala 220113 yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja seperti di bawah. **KEUTAMAAN ADALAH KONTRAKTOR YANG BERADA DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM.**

| NO. SEBUTHARGA | BUTIR-BUTIR TAWARAN | SYARAT PENDAFTARAN | HARGA DOKUMEN |
|----------------------|--|---|---------------|
| MDTM(KEN) 01/2016 | Kerja-kerja perkhidmatan membekal, menghantar, memasang, penjajaran dan pengimbangan tayar untuk kenderaan Hak Milik Majlis Daerah Tanjong Malim | Kementerian Kewangan Malaysia Dibawah Kepala 220113 | RM 50.00 |

2. Naskah meja tawaran akan dipamerkan di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim dari 23.5.2016 hingga 30.5.2016 semasa waktu pejabat.
3. Dokumen tawaran akan dijual mulai 23.5.2016 hingga 30.5.2016 mengikut waktu pembayaran seperti berikut.

| ISNIN – KHAMIS | | JUMAAT | |
|----------------|-------------------------------|--------|-------------------------------|
| Pagi | : 8.15 pagi – 12.45 tengahari | Pagi | : 8.15 pagi – 12.00 tengahari |
| Petang | : 2.15 petang – 4.30 petang | Petang | : 3.00 petang – 4.30 petang |

Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tarikh dan waktu dinyatakan ini.

4. Satu Taklimat akan diadakan pada 23.5.2016 (Isnin) bertempat di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim, Behrang 2020, jam 10.00 pagi. Penyebut Harga perlu membawa bersama salinan asal (termasuk satu salinan fotostat) Lesen Kementerian Kewangan Malaysia, Kad Pengenalan dan surat wakil (jika berkenaan) hanya seorang wakil sahaja bagi satu syarikat yang dibenarkan.

5. Pembayaran dokumen tawaran hendaklah berbentuk tunai, bank draf atau wang kiriman pos di buat atas nama Yang Dipertua, Majlis Daerah Tanjong Malim. Salinan asal (termasuk satu salinan fotostat) Lesen Kementerian Kewangan Malaysia diperlukan semasa mengambil dokumen tawaran. Tawaran hendaklah di buat diatas dokumen tawaran yang diambil daripada Majlis Daerah Tanjong Malim.

6. Dokumen yang telah lengkap di isi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan nombor tawaran di penjuru sebelah kiri dan



dimasukkan ke dalam peti tawaran di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim pada atau sebelum 30.5.2016 (Isnin) jam 12.00 tengahari. Sebarang tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan di tolak.

7. Majlis ini tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran tertentu.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(MOHD SYUKRI BIN AZAARI., AMP)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tanjong Malim,

Aas/-

"SINERGI INOVASI STRATEGI TRANSFORMASI"